

26 JUN 2001

ALI-PELABURAN

SEBANYAK 164 PROJEK DGN PELABURAN RM6 BILION DALAM TEMPOH LIMA TAHUN

MELAKA, 26 Jun (Bernama) -- Kerajaan negeri telah meluluskan sebanyak 164 projek pekilangan dengan jumlah pelaburan RM6 bilion dalam tempoh 1996 hingga 2000, kata Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam, hari ini.

Beliau berkata pembangunan ekonomi yang dikecapi itu turut memberi kesan kepada peningkatan kadar urbanisasi penduduk Melaka dari 50 peratus pada tahun 1995 kepada 67 peratus tahun lepas.

"Malah, pendapatan isirumah penduduk negeri Melaka juga meningkat pada kadar tahunan 5.2 peratus dari RM1,843 sebulan pada tahun 1995 kepada RM2,260 sebulan tahun 1999," katanya ketika melancarkan Amanah Saham Didik (ASD) peringkat negeri Melaka di sini, hari ini.

Melaka merupakan negeri keempat dikunjungi oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk melancarkan ASD selepas Terengganu, Johor dan Pulau Pinang.

ASD adalah saham amanah ketujuh yang diwujudkan oleh PNB dan pelancarannya telah dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Minggu Saham Amanah Malaysia di Kota Bharu pada 20 April lepas.

Beliau berkata dengan peningkatan itu, kerajaan negeri yakin boleh menjana pembangunan yang membanggakan seperti yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) iaitu pertumbuhan Keluaran Negara Kasar pada kadar 7.3 peratus bagi tempoh 2001 hingga 2005.

Mengenai ASD, Ketua Menteri meminta golongan bumiputera di negeri itu dapat menyertai peluang yang disediakan oleh PNB itu demi memastikan masa depan anak-anak mereka cerah.

Beliau berkata kos pendidikan yang ditawarkan dari masa ke semasa semakin meningkat dan ibu bapa perlu merancang keperluan kewangan untuk menampung kos pendidikan anak-anak mereka daripada peringkat awal lagi.

ASD menawarkan unit pelaburan kepada anak-anak seawal usia enam bulan sehingga berumur 17 tahun dengan harga seunit RM1 dan dana yang disediakan sebanyak RM300 juta.

Mohd Ali berkata sekiranya ibu bapa menanam modal RM100 sebulan dalam ASD dan melabur secara berterusan selama 10 tahun, mereka boleh mendapat pulangan lebih RM40,000.

Beliau berkata saham amanah yang diwujudkan oleh PNB telah terbukti memberi faedah kepada rakyat dan rakyat perlu diberikan pendidikan serta penerangan mengenai keuntungan melabur dalam unit-unit pelaburan yang disediakan oleh agensi berkenaan.

Turut hadir ialah Ketua Eksekutif PNB Datuk Hamad Kama Piah Che Othman.

-- BERNAMA

SBS OS